

Foto Hitam Putih Masyarakat Melayu Abad ke-19 Karya Gustav Richard Lambert

Black and White Photographs of the Malay Community of the 19th Century by Gustav Richard Lambert

Wan Lokman¹, Iwan Zahar^{2*} dan Arif Datoem¹

¹*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA*

²*Fakultas Seni Rupa dan Desain, Universitas Tarumanagara (UNTAR), INDONESIA*

*Corresponding author: iwanzahar38@gmail.com

Published online: 21 December 2018

To cite this article: Wan Lokman, Iwan Zahar and Arif Datoem. 2018. Foto hitam putih masyarakat Melayu abad ke-19 karya Gustav Richard Lambert. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 17: 77–106. <https://doi.org/10.21315/ws2018.17.3>.

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/ws2018.17.3>

ABSTRAK

Kajian berkaitan fotografi sangat jarang dilakukan di Malaysia. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada analisis kandungan terhadap enam gambar hitam putih masyarakat Melayu pada awal abad ke-19 yang telah dirakamkan oleh Gustav Richard Lambert di Tanah Melayu. Foto yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan budaya seperti pakaian tradisional, alat muzik, rumah tradisional Melayu, seterusnya berkenaan kegiatan ekonomi seperti pembuatan perahu dan selebihnya berkaitan Kesultanan Melayu bermula rakyat bawahan sehingga kepada golongan bangsawan. Sebahagian hasil karya Lambert mempraktikkan rakaman foto penuh dan terdapat juga komposisi di luar kebiasaan pada zaman itu, seperti kedudukan wanita yang memegang payung tetapi tidak memandang kamera.

Kata kunci: *fotografi, Gustav Richard Lambert, masyarakat Melayu pada abad ke-19*

ABSTRACT

To add to the dearth of studies regarding photography in Malaysia, this essay focuses on the content analysis of six black and white images of the Malay community in the early 19th century that were taken by Gustav Richard Lambert in Malaya. Most of the photographs show the Malay cultures namely traditional custumes, music instruments and houses; some feature economic activities such as boat crafting while others portray the people of the Malay Sultanate from the common people to the high official and aristocrate family. Some of Lambert's photographs used full photo frames; some had compositions that were not common during that time such as a woman holding an umbrella but she does not look at the camera.

Keywords: *photography, Gustav Richard Lambert, Malay community in the 19th century*

PENDAHULUAN

Penggunaan kamera telah berkembang ke serata dunia dengan pantas termasuklah di Tanah Melayu. Sejarah fotografi terawal di Tanah Melayu adalah sekitar tahun 1840-an oleh pengembara yang memasuki Tanah Melayu untuk berdagang. Antara jurugambar yang terawal memotret suasana di Tanah Melayu seawal tahun 1844 ialah pengembara Perancis, Alphonso Eugene Jules Itier (1802–1877). Beliau banyak mendokumentasi suasana di Tanah Melayu dan pernah melawat Singapura, China dan India sebagai inspektor kastam Perancis dan penghasil *daguerreotype* amatir. Hasil dokumentasi beliau yang berimej kekal sangat unik dengan penggunaan kaedah *daguerreotype* dan kehadiran beliau juga telah meleddakkan era kemunculan fotografi di Tanah Melayu pada masa itu. Selepas itu, muncul beberapa jurugambar lain seperti G. Dutronquoy, Edward A., J. Newman, Kristen Fielberg dan Hermann Sachtler & Co., John Thomson dan Gustav Richard Lambert.

Gustav Richard Lambert (1846–1918) yang berasal dari Jerman merupakan jurugambar di Negeri-negeri Selat antara tahun 1870 hingga 1880. Beliau yang merupakan seorang ahli perniagaan juga membuka studio fotografi di Singapura pada tahun 1875. Melihat kepada sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat tempatan, beliau kemudiannya membuka sebuah lagi studio di Kuala Lumpur pada tahun 1896. Koleksi gambar beliau merupakan gambaran wilayah timur terbaik dan merangkumi 3,000 subjek berkaitan

Siam, Singapura, Borneo, China dan Tanah Melayu. Beliau telah memotret pelbagai situasi masyarakat, keadaan politik dan budaya di Tanah Melayu, Singapura, Sumatera dan Siam sebagai satu dokumentasi yang sangat bernilai hingga ke hari ini. Antara karyanya yang hebat ialah potret Raja Siam, potret Sultan Johor dan beliau juga diberikan keizinan oleh kerajaan British untuk memotret keadaan politik dan acara rasmi di Tanah Melayu. Beliau adalah jurugambar yang banyak mendokumentasikan masyarakat dan suasana di Tanah Melayu dengan begitu dramatik (Falconer 1987).

Terdapat beberapa individu yang menjadi peneraju kepada kemunculan kegiatan fotografi dalam kalangan masyarakat tempatan. Pada tahun 1897, muncul sebuah kelab fotografi di negeri Perak iaitu Persatuan Fotografi Amatur Perak yang dinaungi oleh Leonard Wray, seorang kurator di Muzium Negeri Perak. Industri fotografi kemudiannya semakin berkembang dalam kalangan rakyat tempatan. Sekitar tahun 1940-an, muncul beberapa orang rakyat tempatan yang menjadikan kamera sebagai alat memotret manusia dan alam (Chua 2003) dan antara individu yang turut terlibat ialah Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Loke Wan Tho, Wong Ken Foo dan Koh Eng Tong. Bidang fotografi telah menarik minat golongan tertentu untuk mendalami alat kamera secara mendalam dan semenjak tahun 1970-an, seni fotografi telah menjadi popular dalam kalangan penggiat seni (Ismail 1995). Berbekalkan kamera filem, mereka memulakan langkah memotret landskap, bangunan dan juga figura. Industri fotografi yang bermula di Tanah Melayu seawal tahun 1840-an adalah pemangkin kepada pergerakan seni fotografi sehingga ke hari ini walhal awalnya pada zaman kolonial, industri ini dikuasai oleh pendatang Eropah.

FOTOGRAFI DAN SIGNIFIKASINYA

Bidang fotografi adalah gabungan seni dan sains yang memberikan nilai artistik dalam kepelbagai teknik (Barrett 2006). Kajian yang dijalankan adalah untuk menganalisis imej foto daripada jurugambar lampau dalam medium hitam putih, secara deskriptif dan interpretif. Seperti yang diketahui umum, imej foto adalah sebahagian artifak yang penting dalam merencana ketamadunan sesebuah negara. Foto yang telah dirakamkan oleh Lambert pada awal abad ke-19 adalah sangat bernilai kerana memaparkan sejarah dan budaya kehidupan masyarakat Melayu dalam pelbagai suasana. Analisis yang dilakukan oleh penyelidik menggunakan Model Barrett adalah penting untuk memberikan nilai tambah dalam aktiviti

kritikan dan apresiasi seni visual tanah air. Dalam erti kata lain, kajian ini merangkumi aspek sejarah kemunculan fotografi dan juga analisis naratif yang pelbagai dari sudut pandang penyelidik dan juga responden lain. Dalam konteks pengayaan seni visual tanah air, penyelidik membuat kesimpulan bahawa interpretasi tersebut sangat digalakkan untuk meneroka seni di luar kotak. Pengayaan ini adalah perlu untuk memupuk daya pemikiran kritis dalam kalangan penggiat dan peminat seni selain daripada menjana kefahaman terhadap falsafah seni, estetika, semiotik dan sebagainya. Demikian juga kefahaman kritikan formalis, yang dasarnya dapat menyuburkan kesenian dan kesusastraan.

Menurut Horta (2011), kajian kritis budaya penting untuk mengadaptasi memori lampau dalam pemantapan transisi sosial dan politik generasi masa kini. Kajian ini menjelaskan bahawa bidang seni fotografi memainkan peranan penting dalam menyebarkan sejarah dan budaya menerusi konteks yang holistik. Melalui fotografi juga, komunikasi secara visual dapat diadaptasi oleh semua golongan sama ada masyarakat biasa atau golongan kurang upaya. Kepekaan terhadap karya visual akan mendidik individu dan masyarakat untuk memahami nilai sejarah lampau, identiti bangsa dan transisi sosial dalam komposisi yang bermakna justeru adalah penting untuk memberikan perhatian kepada kehidupan sekitar alam siber dan budaya visual yang memerlukan kefahaman dan daya intelek visual supaya segala yang terpapar dalam media massa dapat dicernakan dengan sempurna.

Kajian kritikan seni di Malaysia amat jarang diperkatakan lebih-lebih lagi dalam bidang kritikan fotografi. Menurut Mustaffa (2006), pengkaji dalam bidang fotografi amat kurang di Malaysia dan agak sukar untuk mendapatkan literatur berkaitan fotografi. Maka, kajian ini sangat berguna untuk pembelajaran kritikan dan menambahkan lagi rujukan kritikan foto di Malaysia. Kajian ini boleh dirujuk oleh sesiapa pun daripada pelbagai genre penyelidikan sama ada bidang sastera, sejarah mahupun seni visual. Hal ini kerana kepelbagaiannya sumber dan teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berpusat kepada falsafah kesenian dan kebudayaan sejagat.

Jadual 1 Model Kritik Barrett

Deskripsi (description)	Subjek	Menghuraikan mengenai subjek, figura, tempat atau kejadian dalam foto secara terperinci.
	Bentuk	Menghuraikan bagaimana subjek dipersembahkan. Huraian jelas mengenai bentuk, komposisi, susunan secara visual. Juga huraian mengenai asas dan prinsip rekaan.
	Perantara	Menghuraikan pembuatan/asas objek, proses, jenis kamera, teknik penerbitan dan membincangkan mengenai efek dan ekspresi pada foto.
	Gaya	Menghuraikan pengaruh, konsep, masa dan pergerakan yang dibawa sama ada jenis dokumentari, piktorialisme, <i>straight photography</i> .
	Perbandingan	Membanding beza karya-karya hasil dari jurufoto yang asama atau dengan jurufoto yang lain.
Interpretasi (interpretation)	Denotasi	Menghuraikan subjek secara visual dan tersurat.
	Konotasi	Menghuraikan subjek secara tersirat, menggunakan metafora dan secara abstrak.
Penilaian (evaluation)	Kritikan	Menilai keaslian dan kepakaran jurufoto. Nilai dan fungsi foto terhadap masyarakat dan sejarah. Menggunakan sumber luaran dan dalaman.

Sumber: Chuang (2005); Zahar (2010a; 2010b)

FOTOGRAFI DAN KEPENTINGANNYA KEPADA SEJAGAT

Barthes memperincikan bahawa setiap kejadian yang berlaku tidak boleh diundur malah akan menjadi sebuah memori dalam lipatan sejarah. Foto tersebut menjadi artifak dan bukti yang penting untuk rujukan generasi pada masa hadapan. Usaha pihak muzium atau galeri yang mengadakan pameran fotografi adalah satu strategi yang berkesan dalam mengembalikan nostalgia lampau untuk tatapan generasi muda. Sebagai contoh, Muzium Kesenian Islam dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah mengadakan satu pameran fotografi yang bertajuk *Fotografi Lampau: Pembentukan Sebuah Negara*. Pameran ini mengetengahkan foto-foto lama dalam bentuk hitam putih yang memaparkan gambar bersejarah semasa awal pembentukan Malaysia dan momen penting berkaitan kemerdekaan Tanah Melayu.

Dokumentasi ini sangat penting untuk generasi muda melihat perkembangan ekonomi dan sosiopolitik di Malaysia. Selain itu, hal ini juga penting supaya generasi muda melihat kesinambungan kesejahteraan yang dikecapi pada hari ini. Menurut kajian oleh Sitompul (2008), foto yang dipamerkan di muzium merupakan pendekatan kepada zaman silam dan sikap terhadap zaman sekarang. Tema pada gambar pameran mencerminkan pengalaman lalu daripada pelbagai sudut politik, sejarah dan budaya yang diterjemahkan dalam bentuk bukan lisan.

Berdasarkan kajian Tran (2005), fotografi telah mengembalikan nilai-nilai sentimen sejarah dan budaya serta mewujudkan rasa kekitaan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, foto memberitahu audiens tentang signifikasi dalam imej sama ada nilai budaya atau sejarah dan merupakan cerminan data secara kontekstual (Musello 1980). Menurut Toh (2005), foto-foto yang telah dirakamkan oleh jurugambar lampau membawa pelbagai kenangan dan momen yang tidak boleh diulang. Setiap gambar dapat mencerminkan sejarah dan budaya yang telah tenggelam lantaran masa, namun dapat mengembalikan memori lampau dengan berkesan. Tran (2005) juga menulis bahawa foto arkib yang asli mengangkat nostalgia sesebuah negara. Kewujudan foto tersebut adalah refleks kepada nilai estetik dan tradisi etnik atau masyarakat yang dipotretkan.

Griffin (2002) turut mencatatkan bahawa pertindihan makna dalam sesebuah foto membolehkan komunikasi visual dua hala berlaku dalam sistem persefahaman etos budaya. Selain itu, pentafsiran foto dalam konteks budaya dan politik umpama menghubungkan sejarah dan memori silam (Maria, 2011) manakala menurut kajian Tucker (2006) pula, fotografi telah menyuburkan dua cabang utama iaitu pandangan visual budaya dan pandangan sains. Bidang fotografi telah melonjakkan seni visual dari segi penciptaan inovasi rekaan, sekali gus menarik bidang sains untuk turut terlibat sama. Sontag (2005) menyatakan bahawa nilai estetik fotografi telah menukar suasana kesedihan dalam foto kepada sentimen simpati buat penonton. Menurut satu kajian oleh Hills (2011), fotografi dokumentari telah membawa perubahan kepada dunia, dengan pandangan manusia terhadap peristiwa daripada pelbagai transisi membawa makna yang sangat mendalam.

Sontag (2005) menyatakan fotografi adalah satu cara untuk menghargai subjek yang telah dipotretkan dan hal ini boleh dilakukan dengan cara menilai foto tersebut menggunakan teknik atau cara yang tertentu. Menilai foto bermakna membuat kritikan dan analisis terhadap setiap aspek deskriptif dan mencari hubungan yang bermakna pada setiap elemen. Kritikan foto yang membina akan memberikan nilai estetik dan unik pada sesebuah foto (Barrett 2006).

Proses ini terbahagi kepada dua tahap iaitu yang pertama, pengalaman empirikal audiens yang melihat foto dan sisi kedua, maksud dan hajat yang ingin disampaikan oleh jurugambar. Kritikan dan interpretasi seni dapat menghubungkan masyarakat dengan seni. Mohd Johari (2013) menyatakan bahawa pengkritik seni berperanan menceritakan apa yang berlaku di sebalik terhasilnya sesebuah karya seni. Segala maklumat sama ada tersirat atau tersurat dapat dihayati oleh masyarakat dengan adanya suatu kritikan yang jujur dan terbuka.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang kaedah yang dijalankan untuk menyiapkan kajian ini. Kaedah ini dijalankan secara tersusun supaya hasil dapat diperoleh dengan tepat dan sistematis. Perhatian perlu diberikan kepada pemilihan metodologi agar matlamat penyelidikan tercapai. Dalam kajian kualitatif ini, penyelidik berperanan membuat kritikan foto dengan huraian dan analisis berdasarkan Model Barrett. Yang menariknya, Chuang (dalam Zahar [2010b]) menggunakan instrumen penilaian daripada model kritikan Terry Barrett untuk memerhatikan pembelajaran Profesor Wu, yang berdasarkan penilaian yang dilakukan, mempunyai strategi pembelajaran yang baik dan terdiri daripada kuliah, pembentangan mahasiswa dan kritikan. Penulis memilih model kritik Barrett kerana terdapat beberapa kajian sedia ada terhadap model tersebut dan modelnya lebih sesuai untuk keperluan foto seperti dalam buku *Criticizing Photographs* yang ditulis oleh Terry Barrett. Tambahan pula, model kritik Barrett mempertimbangkan kedua-dua faktor iaitu kognitif dan afektif. Model Barrett mempunyai konteks asli yang mengaitkan budaya ketika pemotretan dibuat dan juga konteks luaran iaitu pendapat pengkritik terhadap foto tersebut, justeru model ini akan menghubungkan faktor-faktor tersebut dengan ilmu disiplin lainnya. Model ini bersesuaian dengan model pembelajaran berasaskan masalah yang mendekati masalah dengan memasukkan gagasan dan ketrampilan secara integral. Model kritik Fieldman lebih sederhana daripada Barrett dan digunakan secara meluas, namun model kritik Fieldman lebih berfokus kepada kognitif, sedangkan model Anderson (Anderson 1993) mementingkan faktor kognitif dan afektif dan model tersebut tidak khusus kepada fotografi. Model kritik Barrett secara eksplisitnya memperlihatkan perkaitan antara ilmu lain bersandarkan konteks luaran dan konteks aslinya. Penggunaan model kritik sendiri seperti yang biasanya dilakukan pensyarah kurang berpengalaman dan terbatas sekitar kritikan terhadap karya mahasiswa, selain lebih kepada sebagai latihan untuk meningkatkan kemahiran penghasilan foto dan bukannya

untuk melatih mahasiswa menjadi seorang pengkritik seni foto. Pembelajaran kritikan foto sewajarnya menggunakan foto-foto karya ahli fotografi yang namanya dikenali dalam sejarah seni foto (Zahar 2010b).

Data juga dikumpul melalui responden yang telah dipilih oleh penyelidik dengan responden pertama ialah seorang pengkaji sejarah seni fotografi dan juga pakar rujuk seni visual iaitu Profesor Dr Ismail Abdullah, yang kini berkhidmat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis. Responden yang kedua pula ialah Profesor Dr Mustaffa Halabi Azahari, Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam. Beliau merupakan pensyarah fotografi dan banyak melakukan kajian terhadap kritikan seni fotografi.

Maklumat dan foto-foto yang dipilih oleh penyelidik diperoleh daripada dokumentasi Arkib Negara Malaysia, Muzium Kesenian Islam, buku-buku yang dipinjam dari Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, sumber carian internet dan koleksi individu perseorangan iaitu milik Ismail Abdullah (pengkaji sejarah seni dan fotografi). Proses analisis dokumen kemudiannya dilakukan terhadap foto dan data yang diperoleh. Analisis foto dilakukan menggunakan kaedah Barret dan pengekodan dilakukan terhadap enam foto studio karya Lambert. Pengekodan dilakukan dengan merujuk pada prinsip seni dan teknik foto studio yang dilakukan oleh Lambert pada zaman tersebut. Gaya, keseimbangan antara gerak tubuh dan arah cahaya merupakan kod utama untuk menilai foto studio. Tujuannya adalah untuk memilih imej foto yang berkaitan dan menyelidik maklumat yang bersangkutan dengan topik yang dikaji.

HASIL KAJIAN DAN ANALISIS FOTO

Sebanyak enam imej foto hasil foto studio karya Lambert daripada buku tulisan John Falconer dan juga carian internet digunakan dalam kajian ini. Pertamanya, penyelidik mengekod imej-imej foto yang diperoleh mengikut kategori dan data tersebut dianalisis menggunakan Model Barrett. Foto yang telah dipilih adalah berkaitan dengan kegiatan dan aktiviti masyarakat Melayu sekitar tahun 1850 sehingga 1910 pada zaman kolonial.

Kajian dilakukan bertujuan untuk memahami kandungan sesebuah foto dengan menganalisis subjek, bentuk, perantara, gaya, perbandingan, mahupun mesej yang ingin disampaikan oleh jurugambar.

Foto 1 memaparkan dua orang figura yang dijadikan subjek oleh jurugambar. Berdasarkan tajuk *Malay Girl and Ayah* cukup menyatakan bahawa foto ini ialah foto keluarga iaitu seorang bapa dan anak perempuan. Lelaki yang bermisai kelihatan sedang duduk di atas kerusi dan memandang tepat ke arah kamera manakala anak perempuannya berdiri dan memandang ke arah bapanya. Lelaki tersebut memakai baju kurung cekak musang (Azah 2006) dan seluar yang berwarna cerah, mengenakan bengkung, bersongkok dan memakai kasut kulit sambil memegang bulu ayam. Anaknya yang bersanggul memakai baju kebaya labuh berkerongsang (Azah 2006), memakai subang, berkain sarung tanpa sebarang kasut dan memegang sekaki payung tradisional. Foto ini dirakamkan oleh jurugambar di dalam sebuah studio kerana kelihatan layar kanvas lukisan sebagai latar belakang gambar. Jurugambar menggunakan sumber cahaya dari sebelah kanan berdasarkan bayang-bayang pada wajah lelaki di sebelah kiri. Bayang-bayang yang agak jelas juga kelihatan pada kaki subjek perempuan. Lambert menggunakan *aperture* yang rendah kerana subjek terlihat dengan jelas tetapi kabur di bahagian belakang. Foto ini adalah satu karya cetakan albumen dengan medium hitam putih dalam posisi menegak.

Foto berkenaan menunjukkan situasi seorang bapa dan anak perempuan di sebuah studio yang dirakamkan secara formal. Kelihatan seorang remaja perempuan sedang memerhatikan bapanya yang merupakan satu aksi untuk menghidupkan watak anak perempuan. Ekspresi muka subjek perempuan tersebut pula membelaangi kamera dan posisinya kelihatan agak janggal. Situasi sebenarnya ialah lelaki dan perempuan tersebut merupakan orang suruhan yang bekerja di rumah pegawai British. Hal ini secara simboliknya dapat dilihat pada bulu ayam yang dipegang oleh lelaki tersebut manakala dengan keadaan anak perempuan beliau yang tidak memakai selipar pula menunjukkan status keluarga tersebut yang miskin dan terpaksa berkhidmat dengan orang British untuk meraih rezeki. Pada zaman penjajahan, pegawai British menetap di Tanah Melayu dan mengupah penduduk setempat terutamanya orang Melayu untuk menjadi orang gaji atau pemandu. Foto ini berkisar pada status atau taraf masyarakat Melayu yang bekerja di bawah pemerintahan British ketika era kolonial abad ke-19.

Foto ini dirakamkan dengan posisi di luar kebiasaan gaya Eropah pada masa tersebut iaitu badan subjek perempuan menghadap ke arah kiri dari jurugambar, menampakkan seolah-olah subjek wanita bergerak dari kanan ke kiri. Banyak gambar fotografi yang dihasilkan oleh jurugambar Eropah pada abad ke-19 berkaitan dengan pengeluaran karya dan gambar-gambar etnografi dengan setiap bahagian imej ini secara visual tampak formal, harmoni, cantik dan



Foto 1 Gustav Richard Lambert, *Malay Girl and Ayah*.
Sumber: Falconer (1987).

menarik seperti dalam Gambar 2. Kedudukan tersebut agak ganjil namun menarik perhatian khalayak untuk meneliti dengan lebih mendalam. Lambert telah merakamkan foto ini dengan seimbang dan baik dengan menyelitkan unsur tersirat dalam gambar tersebut melalui penampilan gaya di luar kebiasaannya.

Foto 2 memperlihatkan tiga subjek iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan. Hanya subjek lelaki yang memandang ke arah kamera manakala dua orang perempuan tersebut memandang ke arah lain. Paparan subjek dalam foto ini menampakkan suatu kelaziman dalam masyarakat Melayu yakni bapa tersebut mengenakan kain pelikat, bengkung, jubah dan mengenakan semutar manakala anak perempuannya pula memakai baju kurung teluk belanga, kain sarung batik *lasem*, menutup kepala dengan kain kelubung dan berkasut sulam. Ibu memakai baju kurung teluk belanga, kain sarung batik bercorak pucuk rebung, berkasut sulam dan mengenakan sehelai selendang pendek (Azah 2006). Bapa memegang payung, ibu memegang sebuah tepak sirih dan gembuk, manakala anak perempuan duduk bersahaja sambil menggenggam tangan kanannya. Kedua-dua perempuan tersebut duduk di atas batu manakala lelaki hanya berdiri dengan gaya meletakkan tangan kiri di pinggang. Fokus gambar ini adalah pada ketiga-tiga subjek tersebut. Foto ini dipotretkan dengan teliti kerana kelihatan seimbang antara titik tengah pada foto yang mana menghasilkan satu karya yang harmoni. Figura dalam foto ini kelihatan jelas dan latar belakang kelihatan agak kabur kerana jurugambar ingin menonjolkan subjek utama iaitu tiga figura tersebut. Foto ini dipotretkan di dalam studio yang berlatarbelakangkan kanvas lukisan pemandangan di laut. Studio ini juga dihiasi dengan flora hidup dan juga batu-batu untuk menampakkan suasana sebenar di tepi laut. Lambert menggunakan kaedah pencahayaan dari kanan kerana kelihatan bayang-bayang pada kiri wajah figura tersebut. Foto ini adalah cetakan albumen dengan medium hitam putih dalam posisi menegak. Saiz foto tersebut berukuran 27.5×20.5 cm. Jika dilihat daripada cara susunan subjek, ia merupakan teknik komposisi segitiga seperti teknik yang digunakan pelukis Rembrandt van Ryn (Mustaffa, *pers. comm.*, 29 November 2013). Teknik komposisi segitiga merupakan teknik yang selalu digunakan pada foto berkumpulan, yang juga biasa dilihat dalam karya lukisan Rembrandt van Ryn. Cara dan teknik foto oleh Lambert ini menyerupai jurugambar Kristen Feilberg (1839–1919) yang telah memotret kehidupan masyarakat di Sumatera dan juga asli Batak di Borneo. Karya Feilberg unik kerana potret yang dihasilkan adalah sangat tajam. Tambahan pula, terdapat jarak di antara subjek dan latar belakang yang kabur. Ciri-ciri tersebut amat serupa dengan hasil foto ini yang mempunyai ketajaman pada subjek dan kabur pada bahagian latar belakang.



Foto 2 Gustav Richard Lambert, *Potrait de famille, Hadjee, Malaisie* (1880).
Sumber: <http://www.luminous-lint.com/z01/image/8635227397980867099148/>.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, foto tersebut memperlihatkan tiga subjek iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan. Jurugambar merakamkan potret ini secara formal di sebuah studio. Wajah mereka kelihatan serius dan seperti diarahkan oleh jurugambar untuk beraksi sedemikian. Foto ini memaparkan tradisi pemakaian masyarakat Melayu pada tahun 1880. Begitu juga dengan alat seperti tepak sirih dan gembuk yang turut diletakkan bersama mereka, secara tidak langsung menampakkan kebiasaan mengunyah sirih dalam masyarakat Melayu ketika itu. Jika dilihat daripada komposisi bapa yang berdiri, hal ini secara tersiratnya memberikan gambaran bahawa dia ialah ketua keluarga yang bertanggungjawab. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa foto ini menunjukkan aplikasi komposisi dan pencahayaan kaedah Eropah dan selain daripada menampilkan cara berpakaian, foto ini memperlihatkan penggunaan harta (*property*) atau perlengkapan tradisional yang memberi kesan kepada masyarakat Melayu pada masa itu.

Secara keseluruhannya, foto ini dihasilkan dengan baik. Karya ini digarap dengan teliti oleh jurugambar menerusi kedudukan yang dilakonkan oleh subjek. Aspek keseimbangan turut diambil kira oleh jurugambar tersebut. Pemakaian busana Melayu dan perwatakan subjek dalam foto berkenaan menampakkan ciri-ciri kemelayuan di samping memperkenalkan adat dan budaya yang lazim diperaktikkan oleh masyarakat Melayu pada abad ke-19. Jurugambar telah memperlihatkan keaslian foto dengan hasil yang menarik tanpa olahan.

Dalam Foto 3, kelihatan tiga orang wanita dijadikan subjek oleh jurugambar. Ketiganya hanya berkembang dengan memakai kain sarung batik, memakai subang dan bersanggul siput tinggi (Azah 2006). Seorang wanita duduk di atas bangku buluh dan dua rakannya berdiri. Kesemua mereka tidak memandang kamera, sebaliknya sibuk melakonkan aksi seperti yang diarahkan oleh jurugambar. Wanita yang duduk sedang memegang daun sirih dan di sebelahnya pula kelihatan sebuah tepak sirih tembaga. Di bawah bangku kelihatan sepasang terompah puting (Azah 2006). Dua lagi wanita yang berdiri sedang memegang dulang besi berkaki, kelihatan seperti menampi beras dan kelihatan sebuah dulang tembaga bersandar pada dinding. Foto ini dirakamkan di studio yang berlatarbelakangkan dinding dan beralas tikar mengkuang.

Jurugambar menggunakan sumber cahaya tambahan untuk mendapatkan foto yang cerah dan keadaan ini boleh dilihat melalui kewujudan bayang-bayang yang nyata di atas lantai. Medium yang digunakan ialah hitam putih dengan cetakan albumen. Foto tersebut berukuran 27.4×21 cm dengan posisi menegak. Foto tersebut dirakamkan pada tahun

1895 di Tanah Melayu dengan kategori yang mirip seperti *straight photography* pada abad ke-20. Lambert tidak menggunakan *aperture* kecil pada foto figura ini sehingga menampakkan subjek kelihatan sedikit kabur daripada latar belakang. Sekiranya diamati, karya ini mempunyai persamaan dengan foto yang pernah dirakamkan oleh Kassian Cephas (1845–1912). Cephas gemar menjadikan wanita sebagai model dalam fotografi, namun demikian Lambert menghasilkan gaya yang tidak lazim. Selain itu, Lambert mempunyai sedikit pengaruh daripada jurugambar Julia Margaret Cameron (1815–1879) yang sering memotret selebriti dengan gaya yang luar daripada kebiasaan. Hasil karya yang kelihatan agak gelap dan tidak berfokus merupakan ciri-ciri aliran gambar berilustrasi (*pictorial*) ketika era Cameron.

Selain itu, foto tersebut juga memaparkan situasi tiga orang wanita Melayu yang sedang melakonkan aksi kerja-kerja suri rumah. Keadaan ini dirakamkan mengikut arahan jurugambar di sebuah studio. Turut dipaparkan suasana wanita sedang bekerja menampi beras dalam keadaan berkemban. Berkemban merupakan cara pemakaian wanita Melayu yang tertua dan terawal dan telah wujud sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu (Zubaidah 1994). Lambert dilihat kerap mengeksplorasi wanita untuk dijadikan model dalam siri fotonya. Kelihatan juga wanita ini sedang menjalankan kerja menampi beras di rumah secara bergotong-royong manakala seorang wanita lain sedang berehat duduk di atas bangku sambil memegang daun sirih. Sirih dikatakan mempunyai khasiat awet muda dan berupaya merawat kesihatan dalaman wanita. Tumbuhan ini juga dipercayai boleh menyembuhkan penyakit kulit dan dapat memudahkan wanita bersalin (Abdul Samad 1990). Jika dilihat dari perspektif lain, Lambert ingin menonjolkan peranan wanita pada abad ke-19. Wanita Melayu pada zaman ini kebanyakannya berperanan sebagai suri rumah. Mereka merupakan nadi dalam institusi kekeluargaan masyarakat Melayu. Penggunaan alatan tradisional seperti tampi, dulang tembaga dan tepak sirih menggambarkan adat dan resam masyarakat Melayu pada ketika itu.

Foto tersebut bagus hasilnya dan dipotretkan dengan baik tanpa sebarang kecacatan. Jurugambar berani merakamkan potret yang kelihatan janggal dengan posisi wanita yang menghadap ke arah lain dan membelaangi kamera. Melalui gambar berkenaan, khalayak dapat melihat aktiviti dan suasana kaum wanita Melayu pada pertengahan abad ke-19. Jurugambar dilihat mengangkat peranan wanita sebagai tunjang sesebuah keluarga. Karya ini merupakan suatu hasil yang sangat bernilai kerana memaparkan satu suasana yang belum pernah dirakamkan oleh jurugambar lain. Situasi ini memberikan signifikasi yang mendalam tentang cara pemakaian kaum wanita Melayu dan kegiatan suri rumah yang hampir tidak



Foto 3 Gustav Richard Lambert, *Malay Women* (1895).
Sumber: <http://artmuseum.princeton.edu/collections/objects/60762>.

wujud pada zaman tersebut. Penampilan beberapa alatan tradisional seperti tepak sirih, tampi, dulang tembaga dan tikar mengkuang menampakkan suatu suasana tipikal Melayu yang tiada pada bangsa lain. Kesimpulannya, foto ini sangat penting dalam sejarah Melayu dan patut dipamerkan di muzium untuk tatapan generasi hari ini.

Foto 4 pula memaparkan subjek seorang wanita. Wanita ini duduk di atas sebuah kerusi dengan memegang kipas tangan dan memandang ke arah kanan. Beliau memakai sebuah mahkota atau tiara di atas kepala. Beliau juga mengenakan perhiasan lain seperti beberapa bentuk cincin, anting-anting dan beberapa utas gelang. Selain itu, wanita tersebut juga memakai pakaian yang agak mewah iaitu kain songket, baju kurung yang dihiasi manik, memakai selendang dan berkasut. Di atas kerusi tersebut, sehelai selendang diletakkan untuk memenuhi ruang kosong. Foto ini dirakamkan di sebuah istana yang berlatarbelakangkan layar kanvas lukisan pemandangan dan dihiasi pokok bunga yang asli dan sebuah kerusi. Kelihatan bayang-bayang pada wajah subjek di sebelah kiri kerana jurugambar menggunakan lampu standard di sebelah kanan. Foto ini dipotretkan dari sisi subjek dengan menampakkan sebahagian daripada kerusi namun kedudukan wanita tersebut kelihatan seimbang pada titik fokus. Foto berkenaan dicetak dengan teknik cetakan albumen dan medium hitam putih dalam posisi menegak. Foto ini dirakamkan pada tahun 1900 di sebuah istana raja negeri Johor dengan kategori yang mirip *straight photography* pada abad ke-20. Foto ini mempunyai pengaruh dari Kassian Cephas (1845–1912) yang giat memotret foto kerabat diraja Sultan Hamengkubuwono VI di Indonesia. Kedua-dua jurugambar ini dibayar untuk merakamkan potret golongan bangsawan di studio atau istana diraja. Selain itu, pengaruh Napoleon Sarony (1821–1896) yang gemar memotret wanita secara penuh turut dapat dilihat melalui karya tersebut.

Foto berkenaan juga memperlihatkan suasana bersahaja seorang wanita kelas bangsawan yang dirakamkan secara formal mengikut arahan jurugambar. Foto ini adalah potret seorang permaisuri yang mendiami istana di negeri Johor. Wanita tersebut ialah isteri pertama kepada Sultan Johor yang ke-22 iaitu Sultan Ibrahim ibn Almarhum Sultan Abu Bakar. Beliau bernama Ungku Maimunah Ungku Abdul Majid (1876–1909). Sultan Ibrahim mengahwini Ungku Maimunah pada tahun 1892 di Istana Tyersall, Singapura. Beliau dikurniakan gelaran Sultanah pada tahun 1895. Foto tersebut dirakamkan dengan gaya yang bersahaja namun mempesonakan. Daripada ciri pemakaian, boleh dilihat kemewahan pada wanita tersebut yang merupakan kelas bangsawan diraja. Pakaian wanita berkenaan



Foto 4 Gustav Richard Lambert, *Woman of the Malay Aristocracy* (1900).
Sumber: Times Editions, Singapore.

mempunyai pengaruh dari luar kerana Sultan Ibrahim telah melawat banyak negara Barat. Status baginda sebagai seorang Sultanah dapat diketahui dengan melihat pada pemakaian tiara sebagai mahkota wanita berkenaan. Jurugambar menampilkan seorang permaisuri dengan pakaian yang mewah iaitu songket dan dihiasi dengan pelbagai hiasan barang kemas. Secara konotasinya, foto ini menggambarkan ketinggian darjah golongan bangsawan diraja. Tiara yang dipakai oleh wanita ini melambangkan statusnya sebagai isteri kepada Sultan daripada Kesultanan Johor iaitu Sultan Ibrahim yang memerintah.

Hasil foto ini juga bagus dan menarik. Hasilnya amat menarik perhatian kerana perwatakan subjek yang bersahaja tetapi dengan suasana yang mempamerkan kemewahan. Foto ini memaparkan potret seorang wanita yang berpengaruh dan mempunyai darjah golongan bangsawan. Karakter dan ekspresi wajah wanita tersebut kelihatan tenang namun memberikan nilai signifikasi yang menarik. Jurugambar memotret foto ini dengan baik dari segi teknik dan alatan yang digunakan. Namun begitu, foto ini kelihatan dirakamkan dari sudut sisi dan posisi wanita ini juga luar daripada kebiasaan. Justeru, keadaan ini memperlihatkan kreativiti Lambert. Sekiranya dibandingkan dengan Woodbury and Page yang memotret di Batavia pada tahun 1860, foto Lambert lebih kreatif. Foto ini mempunyai nilai sejarah dan salasilah sebuah pemerintahan diraja Johor pada abad ke-19. Pengkaji sejarah salasilah diraja perlu memelihara foto ini agar dapat dipertontonkan kepada generasi baharu.

Dalam Foto 5, kelihatan seorang wanita dijadikan subjek oleh Lambert. Wanita tersebut memakai kain sarung batik *lasem* dan baju kebaya pendek bersulam (Azah 2006) yang bertona cerah serta mengenakan sepasang kasut bersulam. Kelihatan sehelai kain sarung dagang luar sebagai kain kelubung yang diletakkan di pergelangan tangan kanan beliau. Beliau kelihatan memakai barang kemas yang agak banyak. Tersarung dua bentuk cincin di jari kiri manakala terdapat sepasang gelang di pergelangan tangan kanan dan kiri, selain dua utas rantai leher di leher beliau serta mengenakan sepasang subang. Foto ini dipotretkan dalam keadaan berdiri dan wanita ini menggayakan tangan kanan di pinggang manakala tangan kiri beliau pula memegang sekuntum bunga mawar. Subjek tersebut memandang ke arah kamera. Foto ini dirakamkan di sebuah studio yang berlatarbelakangkan kanvas bercorak organik yang abstrak. Dapat dilihat bayang-bayang yang agak kasar di sebelah kiri kerana jurugambar menggunakan cahaya lampu standard untuk mendapatkan foto yang cerah.




Foto 5 John Falconer, *Malay Woman*, 1890 (1987).

Pada wajah wanita ini juga jelas kelihatan bayang-bayang di sebelah kiri, menguatkan lagi andaian bahawa lampu diletakkan di sebelah kanan. Jelas dipaparkan pemakaian yang kontra dengan baju kurung putih dipadankan dengan kain sarung batik yang beraneka corak dan juga kelihatan garisan horizontal yang seimbang. Foto ini menggunakan medium hitam putih yang bersaiz 11.8×16.6 cm dalam posisi menegak selain daripada teknik cetakan albumen digunakan dengan medium hitam putih dan dapat dilihat tiada sebarang olahan telah dilakukan pada gambar tersebut. Foto ini dirakamkan pada tahun 1890 di sebuah studio di Tanah Melayu dengan gaya *pictorialism*, yang menampakkan ciri estetik, sedikit kabur dan seakan-akan berada di alam imaginasi. Jika diamati, foto ini kelihatan menyerupai fotografi fesyen selain mempunyai persamaan dengan karya Napoleon Sarony (1821–1896). Sarony banyak memotret foto-foto wanita di dalam studio sebagai subjek utama. Foto Lambert dan Sarony mempamerkan persamaan dari segi gaya yang menampilkan keayuan seorang perempuan. Hasil foto ini juga mempunyai pengaruh daripada Julia Margaret Cameron (1815–1879) yang giat merakamkan potret wanita. Namun demikian, terdapat perbezaan ketara antara Cameron dan Lambert. Cameron hanya memotret wanita separuh badan sahaja manakala Lambert memotret keseluruhan badan subjek dengan lengkap.

Foto tersebut turut memperlihatkan situasi peragaan busana tradisional Melayu yang dirakamkan secara formal mengikut arahan jurugambar dengan subjek memaparkan ekspresi wajah yang tenang. Jurugambar dilihat ingin mempamerkan pemakaian busana tradisional wanita Melayu iaitu baju kebaya, kain sarung batik dan kasut bersulam. Biarpun berada dalam zaman penjajahan, corak pemakaian wanita Melayu tidak berubah walaupun wujudnya kedatangan imigran dan kehadiran pengaruh budaya Eropah yang menular di Tanah Melayu. Pemakaian barang kemas yang banyak oleh subjek mencerminkan wanita yang kaya serta bersifat elegan dan anggun. Masyarakat Melayu turut dilihat mempertahankan budaya dan adat resam tinggalan nenek moyang mereka. Jika foto ini diteliti, suatu perasaan tenang dan bersahaja ditonjolkan oleh wanita tersebut. Secara konotasinya, bunga yang dipegang oleh wanita ini menggambarkan sifat beliau. Bunga secara simboliknya dianggap sebagai suatu perasaan cinta, lemah lembut, cantik dan sesuatu yang mendamaikan, berpadanan dengan sifat pemiliknya. Corak organik pada kanvas latar belakang foto menyerupai tekstur awan, memberikan suatu gambaran bahawa wanita cantik ini seolah-olah bidadari di kayangan. Lambert ingin menonjolkan sifat lemah lembut, feminin dan keayuan wanita Melayu berkenaan.

Foto tersebut bagus dan dipotretkan dengan cantik. Keseimbangan ruang diberikan keutamaan dalam foto berkenaan dan gambar ini dipotretkan dengan tangkapan yang sangat padat. Jurugambar berjaya memperlihatkan fesyen busana wanita Melayu dengan penerapan elemen kelembutan dan kecantikan pada subjek. Fotografi fesyen ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam memperkenalkan pakaian tradisional wanita Melayu. Foto ini juga memperlihatkan suatu titik permulaan terhadap seni fesyen busana Melayu kepada dunia peragaan. Dengan adanya karya daripada Lambert ini, masyarakat dunia dapat menikmati keindahan dan kesenian budaya pemakaian asli Melayu semenjak abad ke-19. Foto ini unik kerana penggayaan yang berunsur keeropahan dengan tangan ditolak ke pinggang dan seakan-akan sedang memegang bunga.

Dalam Foto 6, terdapat dua orang wanita yang menjadi subjek foto. Seorang wanita sedang berdiri dan memandang tepat ke arah kamera manakala seorang lagi duduk dan melihat rakannya yang sedang berdiri. Wanita yang duduk berlapikkan tikar mengkuang itu memakai baju kurung labuh, berkain sarung batik *lasem* dan bersanggul kelongsong Pahang (Azah 2006). Wanita yang berdiri pula hanya berkemban dengan memakai kain sarung yang menutupi sebahagian dadanya sambil memegang sebentuk tepak sirih. Foto ini dipotretkan di sebuah studio yang berlatarbelakangkan kanvas kosong dengan hanya terdapat sebuah bangku kayu yang dijadikan alat bantu dalam penggambaran. Lambert menggunakan kaedah pencahayaan Rembrandt iaitu lampu dipancarkan dari sebelah kanan kerana kelihatan bayang-bayang yang jelas pada wajah subjek di sebelah kiri. Fokus utama jurugambar adalah pada wanita Melayu tersebut yang sosoknya dapat dilihat jelas manakala bahagian belakang iaitu dinding kelihatan kabur. Hasil foto ini seimbang dan memberikan fokus kepada dua orang wanita berkenaan. Foto ini dicetak secara menegak dan merupakan cetakan albumen dalam medium hitam putih bersaiz 11.8×16.6 cm. Jika diamati, foto ini ialah foto asal tanpa diubah sedikit pun kandungannya. Karya ini dirakamkan di sebuah studio pada tahun 1890 di Tanah Melayu dengan gaya *straight photography*. Foto ini mempunyai persamaan gaya dengan Edward S. Curtis (1868–1952) yang memotret wanita Red Indian di Amerika Utara. Curtis merakamkan puak asli Amerika tersebut dalam suasana perkampungan yang kaya dengan budaya dan tradisi. Persamaan ketara antara kedua-dua jurugambar ini adalah mereka merakamkan foto berkenaan dari sudut pandang seorang pendatang asing yang cuba memahami budaya tempatan. Kedua-dua jurugambar ini juga kerap merakamkan foto di dalam studio untuk memotret jati masyarakat tempatan.



Foto 6 John Falconer, *Malay Women*, 1890 (1987).

Dapat dilihat dengan jelas terdapat dua orang wanita yang menjadi taruhan dalam potret Lambert ini. Situasi ini memaparkan wanita Melayu di samping peragaan pakaian dan alatan tradisional. Dua subjek ini bergambar dengan cara yang formal seperti disusun oleh jurugambar tetapi wanita yang duduk di sebelah kanan kelihatan janggal kerana tidak melihat ke arah kamera. Pada zaman ini, adalah satu kebiasaan sekiranya wanita berumur berkembang dengan hanya menutupi bahagian dada ke bawah. Dalam foto ini, terdapat wanita berkembang dan wanita yang memakai pakaian penuh. Terdapat kemungkinan jurugambar ingin menunjukkan suatu keunikan resam wanita Melayu yang tidak terdapat pada masyarakat lain. Berkembang hanya memerlukan sehelai kain sarung panjang yang simpulan kainnya diikat kuat di atas dada dengan tidak menggunakan sebarang tali. Cara pemakaian berkembang telah diamalkan sejak berabad yang lalu malah lebih awal daripada kurun ke-15 (Zubaiddah 1994). Biasanya, wanita Melayu berkembang sebagai persiapan untuk mandi atau membasuh kain selain mempamerkan penggunaan kain batik sebagai pakaian harian wanita Melayu. Dalam pada itu, kelihatan tepak sirih yang dipegang oleh salah seorang wanita tersebut dan telah menjadi kebiasaan wanita Melayu memakan sirih, pinang dan gambir. Sirih dikatakan mempunyai khasiat untuk kesihatan dan kecantikan bagi wanita. Memakan sirih pinang merupakan suatu hobi dalam kalangan mereka sementara menunggu makanan siap dimasak. Walaupun subjek wanita tersebut melakonkan aksi menerusi arahan daripada jurugambar, namun persembahan yang ditunjukkan mencerminkan corak kehidupan wanita pada zaman tersebut.

Foto ini sangat cantik, seimbang dan memenuhi ruang dengan sempurna. Namun begitu, komposisi wanita yang sedang duduk agak janggal kerana melihat ke arah lain. Jurugambar dilihat mempergunakan subjek tersebut untuk mlariskan dan mempromosi hasil karya mereka kepada pedagang atau penggemar foto dan poskad dari luar negara. Subjek dipamerkan dengan gaya yang erotis malah memberikan tanggapan yang negatif terhadap wanita Melayu yang sepatutnya menutup aurat. Walaupun demikian, hasil foto daripada Lambert ini mempunyai satu signifikasi tersendiri terhadap kaum wanita pada zaman ini. Kaum wanita dilihat memperagakan adat berkembang, pemakaian batik dan penggunaan tepak sirih yang merupakan resam dan cara hidup masyarakat Melayu terdahulu. Justeru, karya ini merupakan satu rekod foto yang unik dan menarik perhatian para pengkaji dan sejarawan.

PERBINCANGAN

Fotografi telah wujud pada abad ke-19 dan telah melahirkan ramai jurugambar. Antara jurugambar pelopor dan terawal ialah Henry Fox Talbot yang memperkenalkan fotografi sekitar tahun 1841. Selepas itu, muncul pula Paul Nadar, Kristen Feilberg, Napoleon Sarony, Kassian Cephas dan Julia Margaret Cameron. Kesemua jurugambar tersebut mempunyai teknik dan gaya yang tersendiri dalam memotret subjek, manusia atau alam semulajadi. Foto-foto karya Lambert mungkin mempunyai sedikit pengaruh dan gaya jurugambar-jurugambar berkenaan, namun Lambert mengembangkan caranya yang tersendiri. Selain itu, beliau juga dilihat mengaplikasikan warna sepia pada cetakan foto menjadikan foto-foto beliau seakan-akan hasil karya pelukis Belanda iaitu Rembrandt Van Rijn yang popular dengan lukisan sekitar tahun 1830-an. Van Rijn banyak menghasilkan lukisan potret yang bertona sepia yang menyerupai beberapa keping foto potret dari Lambert.

Karya Lambert sekilas pandang mirip *straight photography* pada abad ke-20. Hal ini kerana beliau merakamkan suasana semulajadi dan memotret subjek secara formal dengan ekspresi muka yang bersahaja. Hasil foto tersebut adalah asli, tajam dan terperinci, tanpa sebarang olahan. Foto gaya ini mempunyai sifat realistik dan berobjektiviti. Beberapa foto dari beliau dikelaskan dalam fotografi potret yang dirakamkan dalam studio. Fotografi potret memberikan penekanan kepada ekspresi wajah, gerak isyarat (*gesture*), personaliti dan *mood* subjek. Selain itu, hasil foto jurugambar ini juga mempunyai gaya fotografi dokumentari, iaitu foto yang mempunyai kisah sejarah dan peristiwa yang berlaku dalam suasana yang sebenar dengan memberi penekanan kepada subjek manusia. Beliau telah merakamkan foto kehidupan masyarakat di Tanah Melayu dengan memberikan penekanan kepada cara hidup dan budaya tempatan. Keadaan ini merupakan suatu konsep dalam fotografi dokumentari, dengan jurugambar menceritakan pengalaman berada di Tanah Melayu dalam bentuk visual.

Secara keseluruhannya, imej-imej foto daripada Lambert banyak menjelaskan tentang hal-hal berkaitan masyarakat Melayu iaitu: (1) aktiviti sosial dan budaya seperti kegiatan harian masyarakat Melayu, pemakaian busana tradisional, permainan alat muzik gamelan, rumah-rumah Melayu dan penggunaan alatan tradisional, (2) aktiviti ekonomi seperti pertukangan perahu dan (3) sistem pemerintahan Kesultanan Melayu termasuk golongan bangsawan serta rakyat bawahan. Seperti disampaikan oleh Ismail (1995: 289), dalam karya Lambert atau mana-mana jurugambar Eropah lain, imej mereka telah sangat disesuaikan untuk

memenuhi nilai komersial pekerjaan tersebut. Sikap bergaya para pengetua, yang dibawa dan dianjurkan oleh jurugambar asing, telah menjadi teknik umum pembuatan gambar pada abad ke-19. Ismail juga berpendapat bahawa seni fotografi di tanah Inggeris pada pertengahan abad ke-19 melancarkan bentuk estetik visual yang biasa, bagi tempoh tersebut. Kualiti estetik ini biasanya dihubungkan dengan pengeluaran gambar "baik", yang berkaitan dengan idea-idea klasik kecantikan. Idea-idea tersebut agak sesuai untuk "formula matematik" seperti dalam "Bahagian Emas" yang menggunakan unsur-unsur "keseimbangan" atau "keharmonian" dalam komposisi. Tambahan pula, menurut Moss (2010), sesebuah gambar walaupun berusia 150 tahun, tetap berfungsi merakamkan kehidupan sebenar dan menjadi sumber visual sejarah terpenting. Imej foto merupakan suatu komponen sintesis visual dan dokumen sejarah dari masa lampau yang sangat bernilai. Gambar tersebut adalah kombinasi penceritaan kisah dan masyarakat. Foto-foto yang dipilih oleh penyelidik mempunyai kaitan dengan masyarakat Melayu pada abad ke-19 iaitu antara tahun 1850 sehingga 1910 dan mempunyai maksud dan signifikansi yang tersendiri. Foto lama dalam cetakan hitam putih ini semestinya mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana telah dirakamkan berabad lamanya untuk tatapan generasi hari ini. Ahli falsafah Roland Barthes menegaskan bahawa fotografi adalah fenomena yang penting dari semua sudut sama ada sains, sejarah, sosiologi dan estetik (Barthes 1980). Dari sudut sejarah, foto lama sememangnya menjadi bukti terhadap peristiwa yang telah berlaku. Pada zaman tersebut, Tanah Melayu berada dalam cengkaman penjajah British bahkan kehadiran mereka telah mengakibatkan pelbagai implikasi negatif dan positif. Kuasa imperial ini telah menyebarkan pengaruh mereka dalam pelbagai aspek. Berdasarkan dapatan melalui foto-foto Lambert, tersimpan pelbagai motif dan cerita yang perlu ditafsirkan. Foto tersebut mengandungi pelbagai konteks terutamanya berkaitan sejarah dan budaya visual masyarakat Melayu.

Sebelum abad ke-18, penduduk di Tanah Melayu dan kepulauan Borneo didominasi oleh orang asli, Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Rentetan daripada era kolonial, kedatangan imigran China, India dan Indonesia semakin bertambah hasil kerjasama pihak British yang didorong oleh aktiviti ekonomi seperti perladangan dan perlombongan sebagai faktor utama migrasi dari luar. Terdapat juga imigran dari Sumatera, Indonesia yang bekerja di sektor perladangan. Akan tetapi, kedatangan mereka tidak menjelaskan struktur masyarakat kerana kaum pendatang ini datang dari rumpun bangsa yang sama (Ongkili 1985).

Selain itu, analisis ini turut melibatkan sejarah Kesultanan Melayu di Tanah Melayu pada abad ke-19. Sebagai contoh, sultan dari negeri Johor iaitu Sultan Ibrahim ibn Almarhum Sultan Abu Bakar telah dipotretkan oleh Lambert. Foto yang dirakamkan membincarkan salasilah dan cara pemakaian dewangga dalam kalangan bangsawan diraja. Melalui analisis foto ini, dapat dilihat juga sejarah kemunculan awal sistem pertanian yang telah mencorakkan ekonomi Tanah Melayu pada abad ke-19. Kegiatan pertanian melibatkan lada hitam, rotan, padi dan kopi telah memberikan keuntungan kepada pihak kolonial dan dalam masa yang sama, telah memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan imigran. Kegiatan ekonomi lain juga turut berkembang seperti industri kraftangan dan pembuatan sampan. Hal ini selaras dengan maklumat yang disampaikan oleh Ismail (1995: 339) bahawa dalam kerja-kerja di Malaysia Barat, utiliti fotografi lebih berkaitan dengan rakaman imej yang tidak biasa melibatkan kerja etnografi atau kajian bangsa dan budaya, peristiwa sosial atau hal ehwal politik. Dari segi budaya, dapatan foto-foto juga menceritakan tentang resam dan budaya masyarakat Melayu pada abad ke-19 dengan penuh autentik. Resam pemakaian busana tradisional dapat dilihat dalam masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Kedatangan Islam ke nusantara ini telah membawa perubahan pemakaian pada kaum wanita (Abbas dan Norwani 2003). Pakaian rakyat tempatan yang mahsyur ketika itu ialah kain sarung dan baju kurung, yang telah digunakan dengan meluas oleh rakyat kebanyakannya dan golongan bangsawan. Maka, wujudlah cara pemakaian tipikal Melayu seperti samping dagang dalam dan luar, batik, songket, selendang dan telekung, semutar, seluar potong Melayu, terompah puting dan sebagainya. Bahkan cara pemakaian busana ini memberikan suatu signifikasi yang berbeza. Foto tersebut juga menampilkan hiasan barang kemas pada kaum perempuan seperti subang, rantai leher, tiara, gelang tangan dan caping. Selain itu, alatan tradisional yang sangat unik digunakan oleh masyarakat Melayu iaitu tepak sirih, alat muzik gamelan dan alatan tenunan turut dipaparkan. Dengan kata lain, analisis foto ini telah merungkai banyak seni warisan yang diamalkan oleh masyarakat pada zaman tersebut dan telah diperturunkan ke generasi hari ini. Antaranya seperti seni pertukangan sampan dan rumah, seni tarian, seni bina dan seni muzik. Selain itu, turut wujud adat yang unik pada masyarakat Melayu seperti adat berkemban dan adat memakan sirih. Resam, budaya, warisan, seni dan adat bersifat tidak membeku malah mengalami perubahan yang beransur-ansur tanpa disedari oleh masyarakat kerana desakan pelbagai pengaruh (Abdul Samad 1990). Resam dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dilihat mempunyai pengaruh daripada kepulauan nusantara lain seperti Indonesia.

Faktor ini menyebabkan Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai banyak persamaan dari segi rumpun budaya dan bahasa. Lantas, walaupun Lambert menghasilkan karya-karya fotografinya melalui cara berfikir dan cara pandang orang Eropah dengan imej mereka telah sangat disesuaikan untuk memenuhi nilai komersial pekerjaan tersebut, akan tetapi hasilnya masih tetap memperlihatkan kewujudan unsur-unsur budaya Melayu yang sewajarnya menjadi perhatian para pengulas fotografi.

KESIMPULAN

Kefahaman terhadap sesuatu karya seni boleh menjadi asas untuk mengembangkan pemikiran dan kreativiti manusia. Menurut Chiari (1997), pengetahuan dalam seni visual boleh membantu seseorang untuk mengenali suasana persekitarannya. Maka, interpretasi terhadap foto-foto lama boleh memberikan pengetahuan dan pemahaman terhadap generasi terdahulu. Proses ini penting bagi generasi baharu untuk belajar dan memahami aspek-aspek adat resam dan budaya masyarakat Melayu terdahulu yang semakin dilupakan. Kajian seni ini berupaya untuk mengangkat kembali adat, tradisi dan budaya Melayu ke tahap yang lebih baik. Kajian ini juga haruslah dilihat dari sudut ilmiah supaya disiplin ilmu ini dapat mengembangkan bidang seni visual dan budaya Melayu. Penyelidikan masa hadapan perlu menumpukan perhatian yang sewajarnya terhadap fotografi agar bidang ini akan sentiasa berkembang dalam pelbagai bentuk. Kajian yang berterusan dalam bidang ini akan memberikan satu lonjakan kepada nilai seni dan fotografi.

BIBLIOGRAFI

- Abbas Alias and Norwani Mohd Nawi. 2003. *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Ahmad. 1990. *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. Melaka, Malaysia: Associated Educational Distributors.
- Anderson, T. 1993. Defining and structuring art criticism for education. *Studies in Art Education* 34(4): 199–208.

- Azah Aziz. 2006. *Rupa dan gaya busana Melayu*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Barrett, T. 2006. *Criticizing photographs: An introduction to understanding images*, 3rd ed. New York: Mc Graw Hill.
- Barthes, R. 1980. *Camera lucida: Reflections on photography*. New York: Hill and Wang.
- Chiari, J. 1997. *Art and knowledge*. New York: Gordian Press.
- Chiu, C. J. 2007. Family photographs, history, and art education: A web of Taiwanese visual cultural signs. PhD diss., The Pennsylvania State University.
- Chua, M. 2003. The pioneers of Malaysian art photography. *Art Corridor Magazine*, vol. 9.
- Chuang, C. 2005. A descriptive case study of impact of professor' teaching strategies on Taiwanese college students' photographic image interpretation. PhD diss., The Pennsylvania State University.
- Falconer, J. 1987. *A vision of the past: A history of early photography in Singapore and Malaya; The photographs of G. R. Lambert & Co, 1880–1910*. Singapore: Times Editions.
- Griffin, M. 2002. Sociocultural perspective on visual communications. *Jurnal of Visual Literacy* 22(1): 29–52.
- Hills, C. N. 2011. Documentary photography as a tool of social change. MCommDev diss., Malmö Högskola.
- Horta, P. A. 2011. Portrait and documentary photography in post-apartheid South Africa: Stories of past and present. PhD diss., University of London.
- Ismail Abdullah. 1995. Documentary photography: A study of nineteenth century documentary photography with special reference to West Malaysian historical photographs 1874–1910. PhD diss., University of London.
- Lambert, G. R. 1895. *Malay women*. Photograph. <http://artmuseum.princeton.edu/fr/collections/objects/60762>.

- _____. 1894. *Malay hadjee*. Photograph. <http://www.ader-paris.fr/html/fiche.jsp?id=1319864&np=1&lng=fr&npp=10000&ordre=&aff=&r=&sold=>.
- Mohd Johari Hamid. 2013. *Falsafah dan kritikan seni visual*. Perak, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Moss, M. 2010. *Towards the visualization of history: The past as image*. Maryland, USA: Rowman and Littlefield Publisher.
- Musello, C. 1980. Studying the home mode: An exploration of family photography and visual communication. *Studies in Visual Communication* 6(1): 23–42.
- Mustafa Halabi Azahari. 2006. A critical study of photographic education in Malaysia. PhD diss., University of Central England.
- Nilsson, M. 2011. Introduction: On photography, history and memory in Spain. *Hispanic Issues on Line Debates* 3(Spring): 1–9.
- Ongkili, J. P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946–1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Sheppard, M. 2011. *Malay arts and crafts*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Sitompul, J. R. 2008. Visual and textual images of women: 1930s representations of colonial Bali as produced by men and women travellers. PhD diss., University of Warwick.
- Sontag, S. 2005. *On photography*. New York: Rosetta Books.
- Thomson, J. J. 1875. *The Straits of Malacca, Indo-China, and China or, ten years' travels, adventures, and residence abroad*. New York: Harper & Brothers.
- Toh, J. 2005. Framing history: Displaying the Singapore family through photography. *The Heritage Journal* 2(1): 51–63.
- Tran, J. 2005. From Yokohama to Manchuria: A photography based investigation of nostalgia in the construction of Japanese landscape. PhD diss., University of the Arts.

- Tucker, J. 2006. The historian, the picture and the archive. *Division II faculty publications: Paper 27*. Middletown, CT: Wesleyan University.
- Wilder, K. E. 2009. Photography and the art of science. *Visual Studies* 24(2): 163–168.
- Zubaidah Shawal. 1994. *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Zahar, I. 2010a. The use of Barrett critics model: Concrete learning strategic to improve student photo appreciation. Paper presented at the Third Asia Pasific Educational Research Association Conference, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak Darul Ridzuan, Malaysia, 22–26 November.
- Zahar, I. 2010b. *Pengembangan model pembelajaran berbasis masalah untuk interpretasi foto*. Jakarta: Universitas Negeri Jakarta.

Personal Communication

Mustaffa Halabi Azahari, respondent, UiTM Shah Alam, 29 November 2013